

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9355

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah program NBOS dapat memberi kesan terhadap kawalan keselamatan negara terutamanya berkaitan dengan ancaman IS dan Daesh.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah merangka pelbagai strategi dan inisiatif untuk menangani isu-isu keselamatan, termasuklah melalui “Strategi lautan Biru Kebangsaan” (NBOS).

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam konteks kawalan keselamatan negara terutamanya berkaitan dengan ancaman Daesh, antara pendekatan Kerajaan yang berjaya di bawah inisiatif NBOS ialah kerjasama erat di antara PDRM dan ATM menerusi perkongsian maklumat risikan berkaitan dengan kegiatan kumpulan pengganas, termasuklah Daesh. Usaha tersebut telah dapat mengekang penularan ideologi Daesh di kalangan anggotanya dengan amat berkesan sekali dan beberapa tangkapan telah dilakukan.

Selain itu, kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam siri rondaan keselamatan di tempat-tempat tumpuan orang ramai melalui inisiatif NBOS juga merupakan salah satu kekuatan kerajaan dalam usaha menangani ancaman Daesh. Dengan kehadiran anggota keselamatan yang melakukan rondaan di kawasan-kawasan strategik, ia dapat meningkatkan lagi keyakinan rakyat terhadap keselamatan mereka khususnya di tempat-tempat tumpuan ini.